

eManifest Perkemas Urusan Pelabuhan Dagang Net jangka khidmat dagangan elektronik diguna menyeluruh pada 2010

Published by Berita Harian – Bahagian Ekonomi
26 February 2009

INDUSTRI perkapalan adalah antara penyumbang terbesar kepada aktiviti perdagangan negara secara keseluruhannya dengan setiap hari pelbagai jenis kapal masuk dan keluar di pelabuhan bagi tujuan berkenaan.

Memandangkan industri perkapalan begitu pesat berkembang, kerumitan pasti wujud untuk menguruskan pelbagai dokumen bagi membolehkan setiap aktiviti dagangan berjalan dengan lancar.

Bagi memudahkan pelbagai proses berkenaan, Dagang Net Technologies Sdn Bhd, peneraju penyedia perkhidmatan e-dagang tempatan mengambil inisiatif untuk memperkenalkan sistem eManifest bagi kegunaan pengendali pelabuhan.

eManifest adalah sistem komuniti perkapalan, yang membolehkan pengguna pelabuhan seperti ejen perkapalan utama, ejen perkapalan dan pembayar muatan barang menghantar mesej elektronik ke internet.

'Manifest' sendiri merujuk kepada daftar terperinci mengenai muatan kapal untuk keperluan pemeriksaan dengan cermat, kebiasaannya oleh pejabat kastam bagi memastikan semua aktiviti yang dilaksanakan di dalam kawasan pelabuhan itu menepati peraturan dalam negara.

Ketua Pegawai Operasi Dagang Net, Zaharin Ali, berkata sistem berkenaan yang mula dilaksanakan di semua pengendali Pelabuhan Klang pada Februari 2007, kini bersedia meluaskan perkhidmatan berkenaan ke semua pengendali pelabuhan di negara ini.

Katanya, bersandarkan maklum balas yang diterima daripada semua pengendali pelabuhan berkenaan, Dagang Net yakin bahawa eManifest akan diterima baik oleh semua peserta industri terbabit di negara ini.

"Selepas Pelabuhan Klang, kami meluaskan sistem ini ke Pelabuhan Kuantan pada November tahun lalu. Dagang Net mengambil masa agak lama untuk mengembangkan penyelesaian ini kepada seluruh komuniti perkapalan tempatan kerana kami mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap maklum balas daripada pelanggan pertama kami.

Zaharin menambah, Dagang Net kini bersedia sepenuhnya untuk meluaskan perkhidmatan berkenaan yang dibangunkan dalam tempoh 14 bulan sejak inisiatif untuk membangunkannya dimulakan pada 2004.

"Ketika itu, kami berbincang dengan semua peserta industri perkapalan tempatan untuk cuba membangunkan satu sistem yang dapat menyelesaikan semua urusan berkaitan manifest' tanpa perlu proses berbentuk fizikal," katanya.

Pada 2006, beliau berkata syarikat berkenaan memperoleh mandat untuk membangunkan eManifest dan mula melancarkan sistem berkenaan pada akhir tahun terbabit.

Beliau menambah, selepas kedua-dua pelabuhan berkenaan, syarikat merancang meluaskan perkhidmatan terbabit ke tiga lagi pelabuhan menjelang pertengahan tahun ini iaitu Pulau Pinang, Langkawi dan Lumut.

"Kami juga yakin meluaskan sistem ini ke semua 21 pelabuhan di dalam negara menjelang tahun depan," katanya.

eManifest yang menjadi sebahagian perkhidmatan kemudahan dagangan elektronik yang disediakan syarikat itu membolehkan semua mesej elektronik yang dihantar oleh pengguna pelabuhan menggunakan standard mesej yang diguna pakai seluruh dunia.

Mesej berkenaan perlu menepati standard global bagi Laporan Pengangkutan Kastam (CUSREP) dan Laporan Kargo Kastam (CUSCAR).

CUSREP dihantar oleh ejen perkapalan utama untuk memohon Nombor Panggilan Kapal (SCN) daripada Pihak Berkuasa Pengeluar SCN.

Pada masa sama, CUSREP turut digunakan oleh pengendali pelabuhan untuk mengeluarkan masa sebenar ketibaan dan pelepasan kapal kepada pihak berkuasa terbabit.

Sementara itu, CUSCAR adalah mesej yang dihantar oleh ejen perkapalan dan pembayar muatan barang mengenai maklumat 'manifest' bagi panggilan kapal tertentu.

CUSCAR mengandungi 'Manifest Inward', 'Outward Manifest' dan 'Transshipment Manifest' bagi pembatalan, penggantian atau barang asal yang dihantar.

Antara manfaat yang disediakan eManifest termasuk keselesaan kepada pengguna kerana ia boleh diakses daripada sebarang komputer yang mempunyai sambungan Internet, menyediakan semua maklumat berkaitan keperluan 'manifest' dan kapal.

Selain itu, ia turut menawarkan kecekapan dan ketelusan kerana ia meningkatkan keupayaan operasi dalam pemindahan data kargo antara peserta dalam komuniti perkapalan itu sendiri.